

Suami wajar dapat 3 hari cuti paterniti

m/s: 49

BH - 17/11/2019

Sebahagian usaha kerajaan wujud situasi menang-menang antara majikan, pekerja

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

Iph: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail meminta Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menimbangkan syor kerajaan untuk memberikan cuti isteri bersalin kepada suami selama tiga hari sebagaimana dicadangkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, cadangan itu sebahagian daripada usaha mewujudkan situasi menang-menang antara majikan dan pekerja.

"Memang satu daripada apa yang kita fikirkan, kita kena berikan situasi menang-menang, kita mahu ramai pasangan untuk menimang cahaya mata dan kalau boleh bapa mendapat cuti ketika isteri bersalin.

"Sekarang ini kita fikirkan dan kita akan berbincang bagaimana nak mengikut syor yang kerajaan sudah katakan.

"Kalau tujuh hari itu (seperti dicadangkan Pertubuhan Perlindungan Wani-



Kalau tujuh hari itu

(seperti dicadangkan Pertubuhan Perlindungan Wanita) eloklah dan (bagaimanapun) sebagai permulaan bapa boleh mendapat cuti tiga hari.

Dr Wan Azizah Wan Ismail
Timbalan Perdana Menteri

ta) eloklah dan (bagaimanapun) sebagai permulaan bapa boleh mendapat cuti tiga hari," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Ekspo Antarabangsa Perak 2019 (PIEX

2019) di Stadium Indera Mulia, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan isteri, Datin Seri Dr Nomee Ashikin Mohamed Radzi.

Kementerian Sumber Manusia dilaporkan akan berbincang dengan pemegang taruh bagi membolehkan cuti menjaga isteri bersalin bagi sektor swasta dilaksanakan.

Menterinya, M Kulasegaran, dipetik berkata sebelum ini kerajaan bercadang memberikan tiga hari cuti menjaga isteri bersalin dan perkara itu mendapat maklum balas yang pelbagai daripada banyak pihak.

Katanya, kementerian akan membawa perkara itu ke Kabinet pada bulan hadapan untuk mendapatkan pandangan apakah mereka bersetuju dengan cadangan tiga hari atau dilanjutkan kepada tujuh hari sebagaimana dicadangkan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).